

04 OCT 2001

Syed Hamid-Amerika

AMERIKA MINTA MALAYSIA BANTUNYA JELASKAN USAHA PERANGI KEGANASAN

PUTRAJAYA, 4 Okt (Bernama) -- Amerika Syarikat meminta Malaysia membantunya mengelak sebarang salah faham di kalangan negara Islam mengenai langkah memerangi keganasan yang kini giat dijalankan oleh Washington.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari iniberkata Amerika menyanjung tinggi Malaysia sebagai sebuah negara rakan yang penting dan mempunyai pengaruh di rantau ini serta dihormati di kalangan negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Mereka berharap Malaysia dapat bantu usaha mengelakkan salah faham mengenai isu memerangi keganasan yang dianggap sebagai pertentangan antara Islam dan negara barat," katanya kepada pemberita selepas dikunjungi Duta Besar Amerika yang baru ke Malaysia Marie Huhtala di pejabatnya di sini.

Syed Hamid berkata beliau menjelaskan kepada Huhtala tentang pendirian Malaysia untuk menyokong sebarang usaha memerangi keganasan.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia menentang sebarang bentuk peperangan kerana itu bukan jawapan kepada usaha membanteras keganasan dan sebaliknya akan hanya membawa penderitaan kepada orang yang tidak berdosa, katanya.

Syed Hamid berkata Huhtala menyampaikan penghargaan Presiden George W. Bush khususnya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana simpati serta ucapan takziah Malaysia kepada keluarga mereka yang terkorban dalam serangan penganas di Amerika.

Pentadbiran Bush akan memaklumkan kepada Malaysia hasil siasatan serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon pada 11 Sept lepas.

Dalam kejadian itu, penganas menggunakan dua pesawat penumpang untuk merempuh dan meranapkan menara kembar di Pusat Dagangan Dunia itu dan sebuah lagi pesawat merempuh Pentagon yang menempatkan jabatan pertahanan Amerika.

Syed Hamid berkata dalam pertemuan dengan duta itu, Huhtala dimaklumkan mengenai harapan Malaysia agar Amerika berusaha bersungguh-sungguh dalam menyelesaikan konflik di Asia Barat sehingga terbentuknya negara Palestin.

Setelah pertemuan itu, Syed Hamid juga telah mengadakan dialog dengan beberapa anggota exco pertubuhan belia seperti Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC), Pertubuhan Belia 4B, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Biro Belia Pemuda Umno.

Syed Hamid yang juga Presiden MAYC berkata menerusi dialog itu beliau telah menjelaskan mengenai dasar luar kerajaan serta peranan yang boleh dimainkan oleh biro belia dalam mencetuskan interaksi dengan pertubuhan bukan kerajaan yang lain.

-- BERNAMA

AKT ZS MAI